

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	8 MARCH 2015

Usah cetus angkara rosakkan UMNO: PM

» *Najib mahu orang Melayu bersatu demi kekuatan parti*

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim dan Shaarani Ismail
bhnews@bh.com.my

► Ipoh

Datuk Seri Najib Razak mengingatkan seluruh ahli UMNO supaya tidak mencetuskan sebarang angkara yang boleh merosak dan melemahkan parti.

Presiden UMNO berkata, perpaduan atau solidariti menjadi

asasnya, justeru UMNO mesti bersatu kerana ia menjamin kelangsungan parti.

“Kita boleh berbeza pendapat tetapi jangan buat angkara yang boleh merosakkan parti dan melemahkan keyakinan ahli.

Pertahan parti keramat

“Saya tak dapat bayangkan Malaysia tanpa UMNO. Kalau kita pejamkan mata sekejap, cuba bayangkan Perak tanpa UMNO, Malaysia tanpa UMNO, apa akan jadi pada orang Melayu tanpa UMNO berkuasa.

“Jawabnya, akan terbangsatlah orang Melayu di bumi sendiri. Inilah parti keramat yang mesti kita jaga,” tegasnya ketika berucap merasmikan penutup Konvensyen UMNO Pe-

rak di Stadium Indera Mulia, di sini malam tadi.

Yang turut hadir, Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir dan Timbalannya, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

Najib berkata, pemimpin UMNO di semua peringkat juga perlu menjadi orang yang disegani dan menunjukkan contoh yang baik serta bijak menangani masalah atau krisis yang berlaku.

“Taat kepada pemimpin dan perjuangan parti penting, kalau UMNO nak ditumbangkan, boleh tumbang dengan kelemahan sendiri. UMNO boleh tumbang kalau perpaduan ki-

ta tak kukuh.

Kukuh kerjasama

“Pemimpin mesti bekerjasama dengan baik, nak tegur di bawah atau di atas mesti betul, baru kita jadi parti yang kuat,” katanya yang turut mengingatkan pemimpin dan ahli supaya melakukan perancangan dan persediaan demi kejayaan parti.

Katanya, jika perancangan dan persediaan dapat dilaksanakan dengan baik, beliau yakin UMNO dan Barisan Nasional (BN) akan mengulangi kejayaan pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau turut menekankan, pemimpin dan ahli parti perlu menyesuaikan diri dengan politik baharu, berbanding politik pembangunan semata-mata kerana sikap pengundi kini berbeza kerana lebih terdedah kepada media sosial.

Najib berkata, beliau yakin terhadap kemampuan UMNO Perak di bawah kepimpinan Zambry dan meminta semua pihak di negeri itu memberikan sokongan kepadanya.

BH-8/3/2015